



■ **AZMI MANAF...nyaris tersingkir apabila ditentang hebat oleh Tuan Zailani Tuan Man peserta dari Kelantan semalam.**

SILAT/ Kejuaraan Kebangsaan

Lima pesilat skuad Sukan SEA buktikan kewibawaan

1 AUG 1988

Oleh **MOHD RAHIME YUSOF** B. Harau (M)

PESILAT Sukan SEA '89, Sezali Said dari Kelantan menebus maruah pasukan negara dengan mengalahkan Mohd Kamal Hashim dari Kedah, selepas kekalahan pesilat negara, Abdul Razak Ismail di Kejuaraan Kebangsaan di Port Dickson yang masuk hari ke tiga semalam.

Lima lagi pesilat skuad Sukan SEA tahun depan turut menempah tempat ke perlawanan akhir.

Mereka ialah Azmi Abdul Manaf (Kelas B), Wan Amizah Ahmad (B) Siti Anida Mahadi (D) Masliza Abu Bakar (B) dan Rozaldi Abdul Rahman (F).

Bagaimanapun, pemenang pingat perak Kejuaraan Silat Sedunia dan Sukan SEA Jakarta, Abdul Razak Ismail dari Terengganu, dikecundangkan oleh pesilat tuan rumah, Mohamad Taufik Maulud bagi Kelas E.

Taufik menggunakan kesempatan terbaik dengan melakukan serangan dan tendangan tepat hingga Razak semacam kehilangan punca untuk mempertahankan kejuaraan kali keempatnya.

Razak selepas pertarungan itu berkata: "Saya sungguh kecewa, tetapi tewas kepada pesilat yang lebih baik. Saya terima kekalahan ini sebagai satu pengajaran."

Sebaliknya, kemampuan pesilat negara yang lain ternyata semakin mantap dan permainan mereka meningkat dengan lebih meyakinkan.

Manakala Azmi Manaf dari Terengganu nyaris tersingkir apabila diasak hebat oleh pesilat Kelantan, Tuan Zailani Tuan Man. Azmi dijangka berentap dengan juara bertahan Ahmad Wardi Salim dari Melaka bagi menentukan juara.

Bagaimanapun, Wan Amizah dari Kelantan turut menebus maruah pesilat wanita negara apabila menyingkirkan pencabar terkuat, Laili Abdul Majid dari Johor.

Sebelum itu, Laili sudah menumpaskan dua pesilat kebangsaan, Salbiah Salleh dan Siti Azhariah Hussin. Wan Amizah akan berentap dengan Masliza Abu Bakar yang juga pesilat skuad Sukan SEA '89.

Bagaimanapun, persembahan pesilat Kelantan itu semakin menonjol untuk menyingkirkan pemenang pingat perak Silat Sedunia.

Seorang lagi pesilat negara, Siti Anida Mahadi juga menghadapi tentangan hebat daripada pesilat Johor, Fatimah Elkrumulillah sebelum mara ke perlawanan akhir untuk bertemu Rohana Manaf dari Selangor.

Sementara itu, pesilat Kelantan, Wan Adnan Wan Isa, bertindak cemerlang menundukkan Muhamad Yazid Ariffin bagi Kelas F untuk mara ke separuh akhir.

Mohd Yazid yang menyingkirkan pemenang pingat emas Silat Sedunia, Fauzi Othman kelmarin itu, semalam sukar bertindak balas dengan serangan bertubi-tubi oleh Wan Adnan.

Skuad Kelantan musim ini lebih menyerlah apabila tujuh pesilatnya menempah tiket ke separuh akhir dan seorang lagi ke akhir. Sungguhpun begitu, halangan mereka untuk mara ke akhir cukup mencabar kecuali, Wan Amizah.



■ MASUKLAH...Mahizah Bakri buka langkah - Gambar SHIRAZ YASMIN ALI.



■ BELUM CUBA BELUM TAHU...Rajaratnam peserta tunggal bukan Melayu buktikan kewibawaan.